


INDUSTRI HILIRAN MANGKIN EKONOMI LUAR BANDAR

Pameran Antarabangsa Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) yang berlangsung dari 1 hingga 11 Disember 2016 telah menunjukkan jumlah peningkatan industri hiliran berasaskan produk pertanian sehingga ada antaranya yang dieksport ke luar negara. Hal ini diakui sendiri oleh Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek selaku Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani. Keadaan ini disebabkan oleh pembungkusan produk industri hiliran yang lebih moden dan menepati cita rasa pengguna. Hasilnya, pelbagai bantuan akan terus dihulurkan oleh kerajaan bagi membantu industri hiliran tempatan kerana produk yang dieksport bukan sahaja dapat meningkatkan pendapatan negara, malah nilai mata wang juga.

Industri hiliran bermaksud produk yang dikeluarkan oleh sesuatu industri daripada bahan mentah kepada barang

pengguna seperti makanan, minuman, produk kesihatan, perabot, dan lain-lain. Kepadatan sektor perkilangan dan pembuatan di Malaysia menyebabkan kepelbagaian produk dapat dihasilkan daripada sisa-sisa produk huluan. Hal ini bukan sahaja dapat menambahkan pendapatan syarikat atau individu, malah ekosistem alam juga dapat dijaga dengan baik. Industri hiliran dapat mengurangkan pembaziran sumber sekali gus memaksimumkan setiap bahan mentah yang digunakan. Terdapat beberapa jenis industri di Malaysia, iaitu industri memproses, industri pembuatan, industri tertier (perkhidmatan), industri berat, serta industri kecil dan sederhana (IKS). Pada sekitar tahun 1980-an, ekonomi negara telah berkembang pesat daripada sektor pertanian kepada perindustrian. Peralihan sektor ekonomi telah merencanakan lagi industri-industri di seluruh negara. Kawasan seperti Kuala



Terdapat pelbagai lambakan sumber di luar bandar yang boleh dibangunkan seperti bahan binaan daripada tumbuh-tumbuhan, ubat-ubatan daripada tanaman herba, makanan berkhasiat daripada buah-buahan, dan lain-lain lagi.

Lumpur, Pulau Pinang, dan Johor akhirnya telah menjadi daya tarikan kepada sektor perindustrian disebabkan jaringan pengangkutan yang efektif selain jumlah tenaga buruh yang mencukupi.

Situasi ekonomi yang kurang memberangsangkan sejak kebelakangan ini menyebabkan sesetengah industri menerima tempasiannya. Kejatuhan harga minyak global pada ketika ini telah mengakibatkan industri petroleum dan gas terjejas. Tambahan pula, kejatuhan nilai mata wang negara serta kekurangan keyakinan pelabur terhadap Malaysia memburukkan lagi keadaan. Hal ini dapat dilihat apabila begitu ramai pekerja telah diberhentikan dengan alasan mengurangkan kos syarikat. Seramai 2272 orang pekerja di industri petroleum dan gas diberhentikan dari 2015 hingga September 2016. Dengan mengambil kira faktor-faktor luaran, maka wajarlah jika industri hiliran di negara ini terus dikembangkan dari semasa ke semasa. Hal ini bagi menjamin peningkatan ekonomi setempat selain mencipta produk baharu.

Industri hiliran mempunyai signifikannya yang tersendiri jika dibangunkan di luar bandar. Di kawasan luar bandar, peluang pekerjaan sangat terhad kepada penduduk di sekitarnya seperti Kelantan, Terengganu, Sabah dan Sarawak. Keadaan ini menyebabkan ramai anak muda berhijrah ke bandar-bandar besar bagi mencari kehidupan yang lebih baik. Dengan adanya peningkatan industri hiliran di luar bandar, ekonomi setempat akan melonjak, seterusnya memberikan keuntungan kepada penduduk tempatan. Lambakan kerja di kawasan bandar tidak semestinya dapat direbut oleh setiap orang kerana kekangan jumlah pekerja, rumah sewa, insentif kerja, dan lain-lain yang berkaitan. Malah, amat merugikan jika anak muda dari luar bandar menghabiskan masa untuk mencari kerja selama berbulan-bulan di bandar. Menurut Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed, usahawan di negara ini perlu berusaha untuk mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan di luar bandar bagi mengelakkan golongan muda berhijrah ke bandar. Beliau menyatakan lagi bahawa hanya



30 peratus penduduk yang menetap di luar bandar sekali gus menyukarkan untuk mewujudkan peluang pekerjaan baharu kepada penduduk setempat.

Langkah kerajaan menubuhkan Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) di bawah SME Corp diharapkan dapat menyelesaikan masalah ini. Bagi penduduk yang terlibat dalam aktiviti penangkapan ikan, fenomena musim tengkujuh menyebabkan kebanyakan nelayan menghabiskan masa membaiki pulih bot serta jala, dan hal ini menyebabkan sumber pendapatan mereka terjejas. Dengan adanya peningkatan industri hiliran di kawasan mereka, maka sedikit sebanyak beban mereka dapat dikurangkan. Dalam hal ini, industri hiliran dapat membantu menyediakan peluang pekerjaan alternatif kepada nelayan ketika musim tengkujuh.

Di samping itu, peningkatan industri hiliran di luar bandar juga dapat mencetuskan idea serta produk baharu. Terdapat pelbagai lambakan sumber di luar bandar yang boleh dibangunkan seperti bahan binaan daripada tumbuh-tumbuhan, ubat-ubatan daripada tanaman herba, makanan berkhasiat daripada buah-buahan, dan lain-lain lagi. Produk baharu ini telah diuji melalui Penyelidikan dan Pembangunan (R&D). Kini, pelbagai produk baharu mula membanjiri pasaran untuk dijual kepada pelanggan. Secara tidak langsung, industri hiliran membantu syarikat mengurangkan hasil buangan lalu mengubahnya menjadi satu sumber pendapatan tambahan. Sebagai contoh, kenaf merupakan salah satu tumbuhan komoditi dan juga alternatif kepada pengusaha tembakau. Tumbuhan ini berpotensi untuk dibangunkan secara komersial untuk kegunaan bahan binaan, komponen kereta, kertas, perabot, makanan ternakan serta tekstil. Kenaf mampu bertahan daripada serangan makhluk perosak, kalis api, tidak mudah rosak, tidak bertoksik dan kurang penyelenggaraan. Kenaf bukan sahaja berpotensi untuk pasaran domestik, malah juga dapat dieksport ke luar negara.

Industri hiliran juga membantu meningkatkan harga komoditi seperti getah, kelapa sawit, koko, dan sebagainya.



Pada tahun 2011-2015, sebanyak RM616.7 bilion dijana melalui eksport ke luar negara khususnya bagi produk komoditi. Dalam konteks ini, industri hiliran menggalakkan pertumbuhan ekonomi di Malaysia. Melalui industri hiliran, pelbagai barangan daripada bahan komoditi dihasilkan seperti sabun, minyak masak, sarung tangan, dan lain-lain. Sebagai contoh, getah juga dapat dijadikan sebagai bahan untuk membina jalan raya di Malaysia. Kajian yang dijalankan oleh Lembaga Getah Malaysia pada 2014 membuktikan bahawa getah bkgu atau juga dikenali sebagai *Cuplump Modified Bitumen* (CMB) mempunyai ciri-ciri yang amat sesuai sebagai bahan berfungsi untuk membina jalan raya. Ciri-ciri tersebut termasuklah sebagai antigelincir, peneuan, keretakan dan mengurangkan bunyi. Sepanjang 1000 kilometer jalan raya dibina menggunakan CMB di Malaysia pada masa akan datang, dan keadaan ini menyebabkan harga getah bakal melonjak naik, seterusnya menguntungkan pengusaha serta penoreh getah.

Industri hiliran sememangnya menyuntik pertumbuhan ekonomi di luar bandar, namun terdapat beberapa kelemahan yang perlu dibaiki dari semasa ke semasa. Antaranya termasuklah kekurangan kos untuk tujuan R&D. Situasi ini dapat dilihat pada syarikat IKS kerana kebanyakan syarikat sebegini kekurangan modal untuk tujuan menghasilkan produk baharu yang boleh mendatangkan keuntungan. Proses R&D memerlukan dana yang sangat besar. Bukan semua syarikat mampu melakukannya secara bersendirian. Oleh sebab itu, amatlah penting kepada pihak kerajaan supaya dapat memberikan bantuan yang sewajarnya kepada syarikat yang terlibat agar kepelbagaian produk berasaskan industri hiliran dapat dilaksanakan. Bagi menyempurnakan hasrat tersebut Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dan Lembaga Getah Malaysia mempunyai pusat penyelidikan bagi membantu menjalankan kajian untuk penghasilan produk-produk baharu.

Selain itu, industri hiliran juga berdepan dengan masalah, iaitu kekurangan pasaran untuk produk-produk yang dihasilkan. Syarikat industri hiliran yang baru ditubuhkan akan berdepan dengan pelbagai masalah pada awalnya seperti

lokasi yang sesuai untuk memasarkan produk. Pasaran yang dipilih oleh syarikat haruslah bertepatan dengan matlamat syarikat dan produk yang dikeluarkan. Sumber kewangan yang terhad menyebabkan syarikat tidak dapat meluaskan pasaran mereka ke negeri-negeri lain. Keadaan ini bakal mengakibatkan keuntungan syarikat tidak dapat dimaksimumkan. Melalui bantuan daripada agensi kerajaan seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA), syarikat dapat menikmati pelbagai kemudahan seperti khidmat nasihat, latihan keusahawanan, pembangunan pemasaran dan pembangunan usahawan. Langkah ini dapat meningkatkan pemasaran syarikat dalam masa yang singkat.

Infrastruktur pengangkutan juga tidak boleh diabaikan. Di Pantai Timur Semenanjung serta Sabah dan Sarawak, kemudahan jalan raya amat baik, namun perlu dinaik taraf. Begitu juga dengan pengangkutan laut dan udara, iaitu baik pelabuhan mahupun lapangan terbang, kedua-dua infrastruktur ini seharusnya mampu menampung operasi perniagaan domestik secara efektif dan efisien. Infrastruktur mempunyai signifikannya yang tersendiri kerana ada antara produk hiliran dihasilkan daripada produk buah-buahan, sayur-sayuran, perikanan serta tenusu. Maka, lebih lama masa yang diambil untuk produk sampai ke destinasi, lebih cepat produk akan rosak. Pembinaan Lebuhraya Pan Borneo, Lebuhraya Pantai Timur (LPT) serta Projek Landasan Kereta Api Pantai Timur (ECRL) sangat bertepatan dengan hasrat untuk merealisasikan matlamat memajukan industri hiliran di luar bandar.

Sektor industri yang bertambah pesat khususnya di Pantai Barat Malaysia tidak seharusnya meminggirkan kawasan di luar bandar seperti di Pantai Timur Semenanjung dan Malaysia Timur. Hal ini menunjukkan sektor perindustrian perlu bersifat menyeluruh supaya pembangunan dapat dinikmati bersama. Sudah tentu ketidakseimbangan perkembangan industri di Malaysia akan mengakibatkan kemunduran kepada ekonomi hiliran setempat yang akhirnya bakal membawa kerugian kepada penduduk di sekitarnya. ¹⁰